

## Projek WBL PUO-UMPH dalam bidang Sivil dan Pembinaan



Putrajaya, 18 Januari- UMP Holdings Sdn. Bhd (UMPH) yang merupakan anak syarikat Universiti Malaysia Pahang (UMP) jalin kerjasama dengan Politeknik Ungku Omar (PUO) dalam melaksanakan projek Pembelajaran Berasaskan Kerja (WBL) dalam bidang Kejuruteraan Sivil dan Pembinaan sebagai usaha melahirkan tenaga kerja dalam bidang teknikal dan vokasional (TVET) menjelang tahun 2020.

Majlis menandatangani nota persefahaman menyaksikan Pengarah Urusan UMPH, Syed Mohammad Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman bertukar dokumen dengan Pengarah PUO, Datuk Md. Nor Yusof dalam majlis yang diadakan di Dewan Putra Perdana 1, Hotel Shang Ri-La Putrajaya.

Hadir sama menyaksikan majlis yang bermakna ini adalah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Datuk Seri Mohd Hilmey Mohd Taib, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Datuk Mohlis Jaafar.



Menurut Syed Mohammad Hamzah berkata, seramai 10 pelajar PUO akan menjalani latihan industri sambil bekerja di beberapa anak syarikat UMPH dan sepanjang latihan ini mereka juga perlu mengikuti pembelajaran WBL sebanyak lima modul mengikut sebagaimana yang ditetapkan pihak PUO.

“UMPH berbesar hati atas kerjasama yang diberikan oleh pihak PUO bagi menempatkan pelajar-pelajarnya di sini dan percaya usaha ini dapat meningkatkan pengeluaran tenaga kerja dalam bidang ini,” katanya.

Tambah beliau, UMPH akan memainkan peranan dengan memberikan khidmat nasihat serta kepakaran untuk menggubal dan menyemak kurikulum yang menepati dan bersesuaian dengan pelajar-pelajar yang mengikuti program WBL-BCET ini.

Pelajar ditempatkan di beberapa anak syarikat UMPH yang menjalankan penyelidikan berfokuskan teknologi hijau seperti UMP Green Technology Sdn Bhd, UMP Innovest Sdn. Bhd dan UMP Ecopest Sdn Bhd.



Sementara itu, Ketua Jabatan Kejuruteraan Awam PUO, Che Nor Azman Che Wan berkata, sepanjang tempoh latihan ini, UMPH akan memainkan peranan memberi khidmat nasihat serta kepakaran untuk menggubal dan menyemak kurikulum supaya ianya bersesuaian dengan keperluan pelajar PUO. Kerjasama yang terjalin ini juga dapat melahirkan graduan yang mampu berdaya saing dan berupaya menghadapi cabaran apabila menceburi alam pekerjaan yang sebenar.

UMPH akan memainkan peranan dengan memberikan khidmat nasihat serta kepakaran untuk menggubal dan menyemak kurikulum yang menepati dan bersesuaian dengan pelajar-pelajar yang mengikuti program WBL-BCET ini.

***Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC***

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 21-01-2016, 16:50:28